

19 OCT 1996

Mahathir-Bonus

KAKITANGAN KERAJAAN DAPAT BONUS?

SERENDAH, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kesediaan kerajaan untuk membayar bonus kepada kakitangannya bagi tahun ini.

Perdana Menteri berkata, pada prinsipnya kerajaan telah berjanji akan membayar bonus kepada kakitangan kerajaan jika ia mampu.

Ini selaras dengan dasar penswastaaan yang bertujuan mengecilkan saiz perkhidmatan awam supaya kakitangan yang tidak terlibat dengan dasar itu dapat menikmati gaji dan faedah yang lebih baik, katanya.

"Kita tunggulah. Kalau nasib baik ada, nasib tak baik tak ada," katanya ketika ditanya pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke tapak projek perumahan kos rendah Taman Bunga Raya di Bukit Beruntung, dekat sini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan "Belanjawan 1997" Jumaat ini dan ketika itulah soal sama ada bonus untuk kakitangan kerajaan dibayar atau tidak tahun ini akan diketahui.

Khamis lepas, Anwar, ketika ditanya pemberita berkata, beliau akan membuat pengumuman mengenai perkara itu pada 25 Okt ini.

Sambil berseloroh, Dr Mahathir berkata: "Yang ini semua Datuk Seri Anwar, dia yang kacau semua ni. Saya setuju nak bagi one year (setahun) bonus tapi tak tahulah. So don't blame me (Jangan salahkan saya.)"

Bagaimanapun, dalam nada yang serius, Perdana Menteri berkata: "Saya tak boleh kata, perkara ini terpulang kepada Menteri Kewangan apabila dia buat pengumumannya."

Dr Mahathir turut diminta mengulas mengenai cadangan pelarasan gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta kenaikan elaun anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang sedang dibahaskan di Parlimen.

Katanya, walaupun gaji beliau sekarang (sebanyak RM17,000 sebelum dicampur cadangan pelarasan gaji dan elaun) dikatakan tinggi, hakikatnya ialah gaji beliau lebih rendah daripada gaji para pegawai tertinggi Petronas yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri.

"Saya kena lihat banyak perkara dan jaga lebih banyak orang tapi gaji dia lebih besar," katanya secara berseloroh. -- BERNAMA

AH NMO